

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

BAHAGIAN 1: Pengenalpastian bahan/campuran dan syarikat/organisasi

1.1 Pengenal pasti produk

Nama komersial produk: ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

1.2 Penggunaan berkaitan bahan atau campuran yang dikenalpasti dan penggunaan yang tidak disyorkan

Penggunaan bahan / sediaan:
Industri.
Perekat / bahan tampil .

1.3 Butir-butir pembekal risalah data keselamatan

Pengilang/pengedar: Wacker Chemie AG
Jalan/No. Peti Surat Pos: Hanns-Seidel-Platz 4
Negeri/poskod/bandar: D 81737 München
Telefon: +49 89 6279-0

Maklumat tentang Helaian Data Keselamatan: Telefon +49 8677 83-4888
e-mel WLCP-MSDS@wacker.com

1.4 Nombor telefon kecemasan

Maklumat Kecemasan: +60 3 6207 4347

BAHAGIAN 2: Pengenalpastian bahaya

2.1 Pengelasan bahan atau campuran

Bukan bahan atau campuran berbahaya.

2.2 Unsur label

Tiada label diperlukan mengikut GHS.

2.3 Bahaya Lain

Tiada data.

Sifat mengganggu endokrin - kesihatan manusia: Bahan/campuran tidak mengandungi komponen yang dianggap mempunyai sifat mengganggu endokrin mengikut REACH Artikel 57(f) atau peraturan Perwakilan Suruhanjaya (EU) 2017/2100 atau Peraturan Suruhanjaya (EU) 2018/605 pada tahap 0.1% atau lebih tinggi.

Sifat mengganggu endokrin - persekitaran: Bahan/campuran tidak mengandungi komponen yang dianggap mempunyai sifat mengganggu endokrin mengikut REACH Artikel 57(f) atau peraturan Perwakilan Suruhanjaya (EU) 2017/2100 atau Peraturan Suruhanjaya (EU) 2018/605 pada tahap 0.1% atau lebih tinggi.

BAHAGIAN 3: Komposisi/maklumat bahan

3.1 Bahan

tidak berkenaan

3.2 Campuran

3.2.1 Ciri-ciri kimia

Polidimetilsilosana dan pengisi dan tambahan dan perangkai silang asetoksisilana

3.2.2 Bahan berbahaya

Jenis	No. CAS	Bahan	Kandungan %
INHA	4253-34-3	Triasetoksimetilsilana	<5

Jenis: INHA: bahan, VERU: bendasing

Produk ini tidak mengandungi bahan dengan kebimbangan sangat tinggi (Peraturan (EC) No 1907/2006 (REACH), Perkara 57) dalam jumlah $\geq 0.1\%$.

BAHAGIAN 4: Langkah-langkah pertolongan cemas

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

4.1 Huraian langkah-langkah pertolongan cemas

Maklumat am:

Dalam hal kemalangan atau jika anda merasa kurang sihat dapatkan nasihat perubatan (tunjukkan label atau SDS jika perlu).

Selepas terkena mata:

Basuh segera dengan menggunakan air yang banyak. Dapatkan nasihat perubatan jika beraku kerengsaan berterusan.

Selepas terkena kulit:

Kesat bahan lebihan dengan kain atau kertas. Basuh dengan air yang banyak atau air dan sabun. Sekiranya berlaku perubahan warna kulit yang ketara atau kesakitan lain, dapatkan nasihat perubatan (tunjuk label atau SDS jika perlu).

Selepas penyedutan:

Bahan tidak boleh disedut di bawah keadaan normal.

Selepas ditelan:

Beri beberapa bahagian air sedikit demi sedikit untuk diminum. Jangan paksa muntah.

4.2 Simptom dan kesan yang paling utama, termasuk akut dan lambat

Sebarang maklumat yang berkaitan boleh didapati di tempat-tempat lain di bahagian ini.

4.3 Petanda sebarang bantuan perubatan segera dan rawatan khas diperlukan

Maklumat toksikologi lanjut dalam bahagian 11 mesti dipatuhi.

BAHAGIAN 5: Langkah-langkah pemadam kebakaran

5.1 Media pemadam api

Media yang sesuai untuk memadam kebakaran:

busa tahan alkohol , karbon dioksida , kabus air , sistem perenjis , pasir , serbuk pemadam api .

Media memadam kebakaran yang tidak boleh digunakan atas sebab-sebab keselamatan:
jet air .

5.2 Bahaya khusus yang timbul akibat bahan atau campuran

Risiko gas atau wasap berbahaya sekiranya berlaku kebakaran. Pendedahan kepada produk pembakaran boleh menjadi bahaya kesihatan! Hasil pembakaran berbahaya: wasap toksik dan sangat toksik .

5.3 Nasihat bagi anggota pemadam kebakaran

Peralatan perlindungan yang khas untuk memadam api:

Gunakan perlindungan pernafasan bebas daripada udara yang beredar semula. Jauhkan individu yang tiada perlindungan.

BAHAGIAN 6: Langkah-langkah pengawalan pelepasan tidak sengaja

6.1 Langkah berjaga-jaga, peralatan perlindungan dan prosedur kecemasan peribadi

Tutup kawasan itu. Pakai peralatan perlindungan diri (lihat bahagian 8). Jauhkan individu yang tiada perlindungan. Elakkan daripada terkena mata dan kulit. Jangan menyedut gas/wap/aerosol. Jika bahan dilepaskan tandakan risiko kegelinciran. Jangan jalan di atas bahan yang tumpah.

6.2 Langkah-langkah perlindungan alam sekitar

Elakkan bahan daripada memasuki air permukaan, longkang atau pembetung dan tanah. Tutup kebocoran jika boleh tanpa risiko. Bendung air tercemar/air pemadam api. Lupuskan di dalam bekas bertanda yang ditetapkan. Maklumkan pihak berkuasa jika bahan bocor ke dalam air permukaan, pembetung atau bumi.

6.3 Kaedah dan bahan bagi pembendungan dan pembersihan

Kaut kuantiti yang banyak selepas menabur permukaan dengan pasir atau tanah Fuller untuk mengelakkan daripada melekat. Sapu atau kikis bahan yang tumpah dan letakkan di dalam bekas sisa kimia yang sewajarnya. Bersihkan mana-mana salutan licin yang masih ada menggunakan larutan detergen / sabun atau pembersih terbiodegradasi lain. Gunakan pasir atau bahan bergranul lengai yang lain untuk memperbaiki tarikan.

Maklumat lanjut:

Wap ekzos. Hapuskan semua sumber pencucuhan. Pertimbangkan perlindungan letupan. Patuhi nota di bawah bahagian 7.

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

6.4 Rujukan kepada bahagian lain

Maklumat yang berkaitan dalam bahagian lain harus dipertimbangkan. Ini terpakai terutamanya kepada maklumat yang diberikan tentang alat pelindung diri (bahagian 8) dan tentang pelupusan (bahagian 13).

BAHAGIAN 7: Pengendalian dan penyimpanan

7.1 Langkah berjaga-jaga bagi pengendalian yang selamat

Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian selamat:

Pastikan pengalihudaraan yang secukupnya. Mesti dialirkkan keluar secara in situ. Jauhkan dari bahan tidak serasi menurut bahagian 10. Lihat maklumat dalam bahagian 8.

Langkah berjaga-jaga terhadap kebakaran dan letupan:

Produk boleh membebaskan asid asetik. Wap boleh terbentuk dalam bilik-bilik tertutup yang mempunyai campuran udara, membawa kepada letupan dengan kehadiran sumber pencucuhan, walaupun di dalam bekas yang kosong dan tidak dibersihkan. Jauhkan dari sumber pencucuhan dan jangan merokok. Ambil langkah berjaga-jaga terhadap pengecasan elektrostatik. Dinginkan bekas-bekas yang berbahaya dengan air.

7.2 Keadaan penyimpanan yang selamat, termasuk sebarang ketakserasan

Syarat untuk bilik dan bekas penyimpanan:

Patuhi peraturan setempat/negeri/persekutuan.

Nasihat untuk penyimpanan bahan-bahan tidak serasi:

Patuhi peraturan setempat/negeri/persekutuan.

Maklumat lanjut untuk penyimpanan:

Simpan di tempat kering dan dingin. Lindungi daripada lembapan. Simpan bekas di tempat dengan pengalihan udara yang baik.

Suhu minimum yang dibenarkan semasa penyimpanan dan pengangkutan: 0 °C

7.3 Penggunaan akhir yang khusus

Tiada data.

BAHAGIAN 8: Kawalan pendedahan/perlindungan diri

8.1 Parameter kawalan

-

8.2 Kawalan pendedahan

8.2.1 Pendedahan di tempat kerja terhad dan terkawal

Langkah-langkah am perlindungan dan kesihatan:

Patuhi amalan kesihatan industri standard untuk pengendalian bahan kimia. Jangan menyedut gas/wap/aerosol. Gunakan dengan pengalihudaraan yang memadai. Elakkan daripada terkena mata dan kulit. Pencegahan perlindungan kulit disyorkan. Tanggalkan pakaian tercemar, basah dengan segera. Bersihkan kawasan kerja dengan sering. Sediakan basuhan mata dan pancuran mandi kecemasan. Jangan makan, minum atau merokok semasa mengendalikan.

Maklumat lanjut untuk reka bentuk sistem dan langkah-langkah kawalan kejuruteraan

Lihat maklumat dalam bahagian 7. Patuhi syarat pengawalaturan negara.

Peralatan perlindungan peribadi:

Perlindungan pernafasan

Jika pendedahan secara penyedutan yang melebihi had dedahan pekerjaan tidak dapat dielakkan<(>,<>) alat perlindungan pernafasan yang memadai mesti digunakan. Kelengkapan alat pernafasan yang sesuai: Alat pernafasan dengan topeng seluruh muka, mengikut standard yang diluluskan seperti EN 136.

Jenis Penapis yang Disarankan: Penapis gas jenis ABEK (gas dan wap berasid, organik dan tak organik tertentu; ammonia/amina), mengikut standard yang diluluskan seperti EN 14387

Had tempoh pakai bagi alat pernafasan dan maklumat daripada pembuat kelengkapan harus dipatuhi.

Perlindungan mata

gogal pelindung .

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

Perlindungan tangan

Sarung tangan perlu dipakai pada setiap masa ketika mengendalikan bahan.

Jenis sarung tangan yang disarankan: Sarung tangan pelindung diperbuat daripada getah butil

Ketebalan bahan: > 0,3 mm

Tempoh penempuhan: > 480 min

Jenis sarung tangan yang disarankan: Sarung tangan pelindung getah nitril

Ketebalan bahan: > 0,1 mm

Tempoh penempuhan: 60 - 120 min

Sila patuhi arahan berkenaan kebolehtelapan dan tempoh penempuhan yang disediakan oleh pembekal sarung tangan. Juga pertimbangkan keadaan tempatan yang khusus dalam mana produk digunakan, seperti bahaya memotong, pelelasan, dan tempoh sentuhan. Ketahuilah bahawa dalam penggunaan harian ketahanan sarung tangan perlindungan yang kalis bahan kimia ternyata lebih pendek daripada tempoh penempuhan yang diukur disebabkan oleh berbilang pengaruh luaran (seperti suhu).

Perlindungan kulit

pakaian pelindung .

8.2.2 Pendedahan terhadap alam sekitar terhad dan terkawal

Elakkan bahan daripada memasuki air permukaan, longkang atau pembetung dan tanah.

BAHAGIAN 9: Sifat-sifat fizikal dan kimia

9.1 Maklumat tentang sifat-sifat fizikal dan kimia yang asas

Sifat:	Nilai:	Cara:
--------	--------	-------

Rupa

Keadaan jirim	: cecair
Bentuk	: perekat
Warna.....	: tidak berwarna

Bau

Bau.....	: hancing
----------	-----------

Had bau

Had bau.....	: tiada data sedia digunakan
--------------	------------------------------

Nilai pH

Nilai pH.....	: Tidak berkenaan. Produk menunjukkan tindak balas berasid dengan air.
---------------	------------------------------------------------------------------------

Takat lebur / Takat beku

Takat lebur / julat lebur.....	: tidak berkenaan
--------------------------------	-------------------

Takat didih / julat didih

Takat didih / julat didih.....	: tidak berkenaan
--------------------------------	-------------------

Takat kilat

Takat kilat.....	: tidak berkenaan
------------------	-------------------

Kadar penyejatan

Kadar penyejatan	: tiada data sedia digunakan
------------------------	------------------------------

Had atas/bawah ledak atau kemudahbakaran

Had rendah letupan (LEL)	: tidak berkenaan
--------------------------------	-------------------

Had tinggi letupan (UEL)	: tidak berkenaan
--------------------------------	-------------------

Tekanan wap

Tekanan wap.....	: tidak berkenaan
------------------	-------------------

Keterlarutan

Keterlarutan / kelarutcampuran air	: boleh dikatakan tidak larut
------------------------------------------	-------------------------------

ketumpatan wap

Ketumpatan relatif gas/wap air.....	: tiada data sedia digunakan
-------------------------------------	------------------------------

Ketumpatan Relatif

Ketumpatan Relatif.....	: 1,09 (20 °C) (air / 4 °C = 1,00)	(DIN 53217)
-------------------------	---------------------------------------	-------------

Ketumpatan.....	: 1,09 g/cm³ (20 °C)	(DIN 53217)
-----------------	----------------------	-------------

Pekali taburan n-oktanol/air

Pekali taburan n-oktanol/air.....	: tidak berkenaan
-----------------------------------	-------------------

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

Suhu Nyalaan Kendiri

Suhu pencucuhan: 460 °C (Tidak Dinyatakan)

Suhu penguraian

Penguraian terma.....: Tiada penguraian apabila digunakan menurut peraturan.

Kelikatan

Klikatan (dinamik).....: 300000 mPa.s di 25 °C (ISO 2555)

Klikatan (kinematik): tiada data sedia digunakan

Jisim molekul

Jisim molekul.....: tidak berkenaan

9.2 Maklumat lain

Had letupan bagi asid asetik yang dilepaskan: 4 - 17%(V).

BAHAGIAN 10: Kestabilan dan kereaktifan

10.1 – 10.3 Kereaktifan; Kestabilan kimia; Kemungkinan tindak balas berbahaya

Jika disimpan dan dikendalikan selaras dengan amalan industri standard, tiada tindak balas berbahaya diketahui.

Maklumat yang berkaitan mungkin boleh didapati di tempat-tempat lain dalam bahagian ini.

10.4 Keadaan yang perlu dielakkan

Kelembapan, haba, nyalaan terbuka, dan sumber cucuan lain.

10.5 Bahan yang tidak serasi

Bertindak balas dengan: air , bahan asas dan alkohol . Reaksi berlaku dengan pembentukan asid asetik.

10.6 Produk penguraian berbahaya

Asid asetik daripada hidrolisis. Ukuran telah menunjukkan pembentukan formaldehid dalam amaun yang kecil pada suhu di atas lebih kurang 150 °C (302 °F) melalui pengoksidaan.

BAHAGIAN 11: Maklumat toksikologi

11.1 Maklumat tentang kesan toksikologi**11.1.1 Ketoksikan akut****Data yang berkaitan dengan produk:**

Laluan pendedahan	Keputusan/Kesan
Oral	LD50 > 2000 mg/kg Spesies: Tikus, Sumber: Kesimpulan melalui analogi
dermis	LD50 > 2009 mg/kg Spesies: Arnab, Sumber: Kesimpulan melalui analogi

11.1.2 Kakisan/kerengsaan kulit**Data yang berkaitan dengan produk:**Tiada kerengsaan kulit
(Spesies: Arnab, Sumber: Kesimpulan melalui analogi)**11.1.3 Kerosakan mata/kerengsaan mata yang serius****Data yang berkaitan dengan produk:**Tiada kerengsaan mata
(Spesies: Kornea bovin, Sistem ujian: cerakin in vitro, Cara: OECD 437, Sumber: Kesimpulan melalui analogi)
Tiada kerengsaan mata
(Spesies: Arnab, Sumber: Kesimpulan melalui analogi)**11.1.4 Pemakaian pernafasan atau kulit****Penilaian:**

Bagi titik akhir ini, tidak terdapat data ujian toksikologi untuk keseluruhan produk.

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

Data yang berkaitan dengan produk:

Laluan pendedahan	Keputusan
Penyedutan	Tiada data.

11.1.5 Kemutagenan sel germa**Penilaian:**

Bagi titik akhir ini, tidak terdapat data ujian toksikologi untuk keseluruhan produk.

11.1.6 Kekarsinogenan**Penilaian:**

Bagi titik akhir ini, tidak terdapat data ujian toksikologi untuk keseluruhan produk.

11.1.7 Ketoksikan pembiakan**Penilaian:**

Bagi titik akhir ini, tidak terdapat data ujian toksikologi untuk keseluruhan produk.

11.1.8 Ketoksikan organ sasaran khusus – pendedahan tunggal**Penilaian:**

Bagi titik akhir ini, tidak terdapat data ujian toksikologi untuk keseluruhan produk.

11.1.9 Ketoksikan organ sasaran khusus – pendedahan berulang**Penilaian:**

Bagi titik akhir ini, tidak terdapat data ujian toksikologi untuk keseluruhan produk.

11.1.10 Bahaya aspirasi**Penilaian:**

Berdasarkan sifat-sifat fizikal dan kimia produk tersebut, bahaya penyedutan tidak seharusnya dijangkakan.

11.2 Maklumat tentang bahaya lain**11.2.1 Sifat mengganggu endokrin**

Bahan/campuran tidak mengandungi komponen yang dianggap mempunyai sifat mengganggu endokrin mengikut REACH Artikel 57(f) atau peraturan Perwakilan Suruhanjaya (EU) 2017/2100 atau Peraturan Suruhanjaya (EU) 2018/605 pada tahap 0.1% atau lebih tinggi.

11.2.2 Maklumat lanjut tentang toksikologi

Jika terkena kelembapan produk mengasingkan sejumlah kecil asid asetik (64-19-7) yang merengsakan kulit dan membran mukus.

BAHAGIAN 12: Maklumat ekologi**12.1 Ketoksikan****Penilaian:**

Penilaian berdasarkan ujian ekotoksikologi dengan produk yang serupa dengan mempertimbangkan ciri-ciri fizikal-kimia: Bagi produk ini tiada kesan terhadap organisma akuatik, yang berkaitan bagi pengelasan, dijangka. Menurut pengetahuan semasa kesan buruk terhadap loji penulenan air tidak dijangka.

Data yang berkaitan dengan produk:

Keputusan/Kesan	Spesies/Sistem ujian	Sumber
ErC50: > 100 mg/l (ukuran)	ujian statik Desmodesmus subspicatus (alga hijau) (72 h)	Kesimpulan melalui analogi OECD 201

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

12.2 Ketegaran dan kebolehuraian

Penilaian:

Kandungan silikon: Tidak boleh terdegradasi secara biologi. Pengasingan melalui pengenapan. Produk hidrolisis (asid asetik) mudah terbiodegradasi.

12.3 Potensi biotumpukan

Penilaian:

Komponen polimer: Biotumpukan tidak dijangka berlaku.

12.4 Kebolehgerakan di dalam tanah

Penilaian:

Kandungan silikon: Tidak larut dalam air.

12.5 Keputusan penilaian PBT dan sangat gigih dan sangat biotimbunan

Tiada data.

12.6 Sifat mengganggu endokrin

Bahan/campuran tidak mengandungi komponen yang dianggap mempunyai sifat mengganggu endokrin mengikut REACH Artikel 57(f) atau peraturan Perwakilan Suruhanjaya (EU) 2017/2100 atau Peraturan Suruhanjaya (EU) 2018/605 pada tahap 0.1% atau lebih tinggi.

12.7 Kesan-kesan mudarat yang lain

tiada yang diketahui

Maklumat tambahan

Dalam keadaan rangkaian silang tidak larut dalam air. Mudah diasingkan daripada air melalui penurasan.

BAHAGIAN 13: Pertimbangan pelupusan

13.1 Kaedah pengolahan sisa

13.1.1 Bahan

Saranan:

Bahan yang tidak boleh digunakan, diproses semula atau dikitar semula harus dibuang mengikut peraturan Persekutuan, Negeri, dan tempatan di kemudahan yang diluluskan. Bergantung kepada peraturan, kaedah rawatan bahan buangan mungkin merangkumi, contohnya, tanah timbus atau pembakaran.

13.1.2 Pembungkusan tidak bersih

Saranan:

Kosongkan bekas sepenuhnya (tiada butiran, tiada kesan serbuk, dikikis dengan teliti). Bekas boleh dikitar semula atau digunakan semula. Patuhi peraturan setempat/negeri/persekutuan. Pembungkusan tidak bersih hendaklah diuruskan dengan langkah berjaga-jaga yang serupa seperti bahan.

BAHAGIAN 14: Maklumat pengangkutan

14.1 – 14.4 Nombor UN; Nama penghantaran yang betul mengikut UN; Kelas bahaya pengangkutan; Kumpulan pembungkusan

ADR Jalan:

Penilaian: Tidak diatur untuk pengangkutan

RID Kereta Api:

Penilaian: Tidak diatur untuk pengangkutan

Pengangkutan melalui laut GGVSee/IMDG-Code:

Penilaian: Tidak diatur untuk pengangkutan

Pengangkutan udara ICAO-TI/IATA-DGR:

Penilaian: Tidak diatur untuk pengangkutan

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

14.5 Bahaya kepada alam sekitar

Berbahaya kepada alam sekitar: tidak

14.6 Peringatan khas buat pengguna

Maklumat yang berkaitan dalam bahagian lain harus dipertimbangkan.

14.7 Angkut secara pukal mengikut Lampiran II MARPOL dan Kod IBC

Pengangkutan pukal di dalam kapal tangki tidak dicadangkan.

BAHAGIAN 15: Maklumat peraturan**15.1 Peraturan/undang-undang keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang khusus bagi bahan atau campuran**

Peraturan kebangsaan dan tempatan mestilah dipatuhi.

Untuk maklumat tentang pelabelan sila rujuk bahagian 2 dokumen ini.

15.2 Perincian status pendaftaran antarabangsa

Jika ada, maklumat berkenaan mengenai inventori bahan individu diberikan kemudian.

Jepun.....	: ENCS (Handbook of Existing and New Chemical Substances): Produk ini tersenarai pada atau mengikut inventori bahan.
New Zealand	: NZIoC (New Zealand Inventory of Chemicals): Produk ini tersenarai pada atau mengikut inventori bahan. (Bagi tafsiran status pendaftaran yang betul, maklumat tambahan seperti pengelasan bahan berbahaya atau kemungkinan Group Standard diperlukan)
Australia	: AIIC (Australian Inventory of Industrial Chemicals): Produk ini tersenarai pada atau mengikut inventori bahan.
China.....	: IECSC (Inventory of Existing Chemical Substances in China): Produk ini tersenarai pada atau mengikut inventori bahan.
Kanada.....	: DSL (Domestic Substance List): Produk ini tersenarai pada atau mengikut inventori bahan.
Filipina.....	: PICCS (Philippine Inventory of Chemicals and Chemical Substances): Produk ini tersenarai pada atau mengikut inventori bahan.
Amerika Serikat (AS)	: TSCA (Toxic Substance Control Act Chemical Substance Inventory): Semua komponen produk ini tersenarai sebagai aktif atau mematuhi inventori bahan.
Taiwan.....	: TCSI (Taiwan Chemical Substance Inventory): Produk ini disenaraikan dalam, atau mematuhi, inventori bahan. Nota am: Peraturan bahan kimia negara Taiwan menghendaki pendaftaran fasa 1 bagi bahan yang disenaraikan dalam TCSI atau mematuhi TCSI sekiranya import ke negara Taiwan atau pembuatan di negara Taiwan melebihi kuantiti pencetus sebanyak 100 kg/tahun (bagi campuran, dikira bagi setiap ramuan). Adalah tanggungjawab entiti sah import/pembuatan untuk menunaikan kewajipan ini.
Kawasan Ekonomi Eropah (EEA).....	: REACH (Regulation (EC) No 1907/2006): Nota am: Kewajiban mendaftar disebabkan oleh import atau pembuatan di dalam EEA oleh pembekal yang dinyatakan dalam bahagian 1 dipenuhi oleh pembekal. Kewajiban mendaftar disebabkan oleh import ke EEA oleh pelanggan atau pengguna hiliran lain harus dipenuhi oleh pengguna hiliran ini.
Korea Selatan (Republik Korea)	: AREC (Akta bagi Pendaftaran dan Penilaian Kimia; "K-REACH"): Sila hubungi kontak biasa anda untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Helaian Data Keselamatan

Bahan: 60003730

**ELASTOSIL® E43
TRANSPARENT**

Versi 3.4 (MY)

Tarikh Cetakan 06.02.2023

Tarikh pindaan terakhir: 07.11.2022

BAHAGIAN 16: Maklumat lain

16.1 Bahan

Butiran dalam dokumen ini adalah berdasarkan tahap pengetahuan kami pada masa penyemakan. Mereka tidak membentuk jaminan tentang ciri produk yang dinyatakan dari segi syarat jaminan berkanun.

Pembekalan dokumen ini kepada penerima tidak melepaskan penerima daripada kewajiban beliau terhadap pematuhan kepada semua undang-undang dan ketentuan yang digunakan terhadap produk. Ini terpakai terutamanya kepada penjualan atau pengagihan lanjutan produk atau bahan atau benda yang mengandungi produk tersebut, di dalam bidang kuasa lain dan berkenaan dengan perlindungan hak harta intelek pihak ketiga. Jika produk yang dinyatakan diproses atau dicampur dengan bahan lain, butiran yang dinyatakan dalam dokumen ini tidak boleh dipindah kepada produk baru yang terhasil kecuali jika ia telah dinyatakan dengan jelas. Jika produk tersebut dibungkus semula, penerima diwajibkan memberi maklumat tambahan yang berkaitan dengan keselamatan yang diperlukan.

WACKER mengehadkan penggunaan produknya di dalam tubuh manusia atau bersentuhan dengan cecair badan dan mukosa. Untuk maklumat lanjut, sila semak Dasar Penjagaan Kesihatan kami di www.wacker.com. WACKER boleh membatalkan sebarang tanggungjawab penghantaran jika Polisi Penjagaan Kesihatan tidak dipatuhi.

16.2 Maklumat lanjut:

Koma yang terdapat dalam data berangka menandakan titik perpuluhan. Garisan menegak di bahagian jidar kiri menandakan perubahan berbanding dengan versi sebelumnya. Versi ini menggantikan semua versi yang terdahulu.

- Tamat Risalah Data Keselamatan -